

LAPORAN AKHIR PENYELIDIKAN

**PENGURUSAN FATWA DI NEGARA-NEGARA
NUSANTARA: NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

INFAD (PPPP-INFAD(G)/2004)

Penyelidik:

Syed Salim Syed Shamsuddin

Dr. Muhammad Mustaqim Mohd Zarif

Mushaddad Hasbullah

INFAD

UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

JUN 2009

Perpustakaan USIM



1000052776

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah s.w.t. di atas limpah kurnia dan 'inayah-Nya dapat kami menyempurnakan penyelidikan ini yang bertajuk "Pengurusan Fatwa di Negara-Negara Nusantara: Negara Brunei Darussalam" walaupun setelah sekian lama ianya tertangguh atas beberapa sebab dan kekangan yang tidak dapat dielakkan. Di kesempatan ini, kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kami kepada pihak Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di atas kepercayaan dan amanah yang telah diberikan kepada kami untuk menjalankan kajian ini menerusi pemberian geran penyelidikan yang terdapat di Universiti.

Kami juga ingin merakamkan penghargaan kami kepada pengurusan Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD), kakitangan Pusat Pengurusan Penyelidikan (PPP), serta rakan-rakan yang telah membantu dalam menjayakan penyelidikan ini sejak daripada mula ianya diluluskan lagi. Tidak lupa juga, setinggi-tinggi terima kasih kami ucapkan kepada Yang Berbahagia Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam serta seluruh warga Jabatan Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam di atas kerjasama dan bantuan mereka dalam memberikan pelbagai input yang amat berharga dan tidak terhingga nilainya dalam memperkayakan penyediaan laporan penyelidikan ini.

Akhir kata, diharapkan penyelidikan ini dapat mencapai objektifnya yang disasarkan dan menjadi sumbangan kami dalam memperkayakan lagi perbendaharaan ilmu-ilmu keislaman untuk faedah dan manfaat masyarakat, agama dan negara yang tercinta. Semoga Allah s.w.t. memberkati segala usaha kami dan menjadikannya sebagai amalan yang soleh, amin.

Penyelidik:

Syed Salim Syed Shamsuddin, Dr. Muhammad Mustaqim Mohd Zarif, Mushaddad Hasbullah

23 Jun 2008

ABSTRAK

Kajian ini terfokus untuk mengkaji dan menilai pelbagai aspek dan isu berkaitan pengurusan dan perkembangan institusi fatwa dan Mufti di Negara Brunei Darussalam. Pada masa yang sama, pelbagai aspek berkaitan sejarah, organisasi dan pentadbiran hal ehwal fatwa di Brunei pada masa dahulu sehingga kini turut dibincangkan untuk mendapatkan gambaran yang menyeluruh untuk memahami situasi dan pembangunan institusi fatwa di negara tersebut. Justeru, metod kajian perpustakaan, selain tinjauan, menjadi sumber utama yang digunakan untuk melaksanakan penyelidikan ini berdasarkan dokumen dan bahan-bahan penulisan yang berkaitan dengan tajuk ini. Antara pemerhatian yang dapat disimpulkan ialah komitmen yang ditunjukkan oleh pemerintah dan masyarakat Negara Brunei Darussalam dalam memartabatkan institusi fatwa dan Mufti telah membolehkannya berkembang pesat dan menunjangi dasar pemerintahan dan pentadbiran Kerajaan. Kecekapan pentadbiran Jabatan Mufti Kerajaan yang bersistematik dan menggunakan perkembangan teknologi terkini dalam penyebaran fatwa seharusnya menjadi contoh kepada negara-negara Islam yang lain dalam aspek pengurusan dan penyebaran fatwa.

ABSTRACT

This study focuses on identifying and analyzing issues and aspects relating to the management and development of fatwa and the Mufti institution in Negara Brunei Darussalam. At the same time, matters relating to the history, organization and administration of fatwa affairs in Brunei from the past until the present day will also be discussed for a more comprehensive view and understanding of the subject matter. As such, this research is primarily based on the library research method and observations based on the available documented evidences and works written on the subject. The findings indicate that the commitment and enthusiasm showed by the ruler and people of Brunei to uphold the institution of fatwa and Mufti at the national level has made it as an important entity with influence over the state's national and administrative policies. In addition, the efficiency and systematic administration of the State Mufti Department through the use of the latest technological advancement in telecommunications technology in disseminating fatwa is exemplary for other Muslim countries, especially in matters relating to the management of fatwa affairs.

KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
KANDUNGAN	v
SENARAI RAJAH	vii
PENDAHULUAN	
Latar Belakang Kajian	1
Permasalahan Kajian	4
Persoalan Kajian	5
Objektif Kajian	6
Metodologi Kajian	7
Skop Kajian	7
Sorotan Literatur	8
BAB 1: ISLAM DI BRUNEI: SEJARAH DAN KEDUDUKANNYA DALAM PEMBENTUKAN IDENTITI MASYARAKAT SETEMPAT	
1.1. Islam di Brunei Sebelum Abad ke-20	11
1.2. Ulama di Brunei: Peranan dan Sumbangan	16
• Dato Haji Ahmad bin Haji Abdul Latif	18
• Pehin SiRaja Khatib Abdul Razak bin Hasanudin	18
• Pehin Khatib Muhammad bin Hassan	19
• Pehin Khatib Abdul Razak bin Abdul Rahman Sambas	20
• Pehin Datu Imam Haji Mokti bin Haji Nasar	21
• Haji Muhammad Suhaili Haji Yaakub	22

BAB 2: PERKEMBANGAN FATWA DAN INSTITUSI FATWA DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

2.1.	Kedudukan Islam dalam Pentadbiran Kesultanan Brunei Tradisional	24
2.2.	Islam dalam Perlembagaan Brunei Moden	27
2.3.	Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam di Negara Brunei Darussalam	30
2.3.1.	Majlis Ugama Islam Brunei (MUIB)	31
2.3.2.	Jabatan Hal Ehwal Ugama, Adat Istiadat dan Kebajikan (JHEUB)	33
2.3.3.	Kementerian Hal Ehwal Ugama Negara Brunei Darussalam (KHEUB)	34
2.4.	Institusi Mufti dan Fatwa di Negara Brunei Darussalam	35

BAB 3: ORGANISASI DAN PENGURUSAN FATWA DI JABATAN MUFTI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

3.1.	Organisasi Fatwa di Jabatan Mufti Kerajaan Brunei Darussalam	42
3.1.1.	Matlamat, Visi, Misi dan Moto Jabatan Mufti Kerajaan	42
3.1.2.	Organisasi Jabatan Mufti Kerajaan	43
3.1.3.	Tugas dan Bidang Kuasa Mufti Kerajaan	45
3.1.4.	Aktiviti Jabatan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam	49
3.2.	Pengurusan Fatwa di Negara Brunei Darussalam: Prosedur dan Tatacara	49
3.2.1.	Prosedur Pengeluaran Fatwa	50
3.2.2.	Tatacara Pengeluaran Fatwa: Sumber dan Kaedah	57

BAB 4: PENGUATKUASAAN DAN PENYEBARAN FATWA DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

4.1.	Penguatkuasaan Fatwa di Negara Brunei Darussalam	62
4.2.	Dokumentasi dan Penyebaran Fatwa	69
i.	Pendokumentasian dan Penerbitan Fatwa	69
ii.	Penyebaran Fatwa melalui Pelbagai Saluran Awam	73
iii.	Aktiviti Kemasyarakatan	76

RUMUSAN DAN CADANGAN	79
-----------------------------	-----------

RUJUKAN	84
----------------	-----------

SENARAI RAJAH

	<i>Halaman</i>
RAJAH BELAKANG RAJIAN	
Rajah 1: Struktur Pentadbiran Brunei Sewaktu Era Residen British	26
Rajah 2: Borang Pertanyaan Fatwa Secara On-Line	52
Rajah 3: Kod Perkhidmatan Jabatan Mufti Kerajaan	55

PENDAHULUAN

LATAR BELAKANG KAJIAN

Fatwa memainkan peranan yang sangat penting dalam perkembangan perundangan Islam atau hukum Syarak. Ia bermaksud penjelasan mengenai hukum Syarak oleh seseorang yang berpengetahuan berhubung hukum-hakam yang berkaitan dengan Syari'ah (Mufti) bagi sesuatu masalah agama berdasarkan dalil Syarak sebagai jawapan kepada orang yang bertanya¹. Fatwa dalam konteks Malaysia pula boleh ditakrifkan sebagai keputusan tertentu yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Mufti dan telah diwartakan oleh kerajaan negeri bagi proses penguatkuasaan undang-undang². Sesiapa yang ingin mengetahui sesuatu hukum Syarak bagi sesuatu masalah agama perlulah bertanya kepada orang yang dipercayai dan cukup kelayakannya dalam bidang ilmu agama untuk mendapat keterangan hukum mengenai masalah itu.

Masyarakat Islam pada hakikatnya sentiasa berdepan dengan pelbagai persoalan harian dan cabaran era baru yang semakin mencabar dan kompleks. Kemajuan sains dan teknologi yang dinamik di negara-negara Islam telah menimbulkan beberapa persoalan baru yang memerlukan huraian dan penjelasan hukum menerusi fatwa. Bagi menyelesaikan pelbagai persoalan dan menghadapi cabaran tersebut, masyarakat Islam sememangnya memerlukan kebijaksanaan para Mufti untuk mencari penyelesaian dalam hukum-hakam yang dicerna dari kefahaman mereka yang jitu mengenai nas-nas al-Quran dan al-Sunnah.

¹ Lihat: Qoutoub Moustapha Sano. *Mu'jam Mustalahat Usul al-Fiqh*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir, 2000. hal. 312; dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. "Apa itu fatwa?". <http://ii.islam.gov.my/e-fatwa/e-fatwa.asp> (diakses: 28 Januari 2004).

² Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. "Apa itu fatwa?". <http://ii.islam.gov.my/e-fatwa/e-fatwa.asp> (diakses: 28 Januari 2004).

Oleh yang demikian, tidaklah dapat dinafikan bahawa institusi fatwa dan Mufti merupakan antara institusi yang amat penting dalam masyarakat Islam, lebih-lebih lagi dalam menghadapi dan menangani era globalisasi yang mengundang pelbagai persoalan dan kemusykilan yang semakin mencabar. Kedudukan Mufti dalam masyarakat Melayu Islam, khasnya di Nusantara adalah begitu tinggi dan mulia. Mereka diberikan kepercayaan yang penuh dalam memberikan kefahaman dan penjelasan tentang sesuatu hukum Syarak kepada masyarakat Islam di rantau ini dan menyelesaikan kekeliruan yang berlaku berhubung sesuatu hukum. Imam al-Syatibi dalam kitabnya *al-Muwafaqat* telah menjelaskan kedudukan Mufti seperti berikut:

Kedudukan Mufti di kalangan umat ialah pengganti tempat Nabi s.a.w. kerana ulama mempusakai tugas para nabi sebagaimana yang telah diterangkan oleh hadith Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: "Sesungguhnya ulama itu adalah pewaris para nabi kerana mereka tidaklah meninggalkan pusaka dinar dan dirham, tetapi mereka meninggalkan pusaka ilmu"³

Mufti yang sering menjadi rujukan segenap lapisan masyarakat perlulah sentiasa meningkatkan kemampuan ilmiah dan kepakaran mereka. Di samping itu para Mufti perlu juga berhati-hati dan fleksibel di dalam mengeluarkan hukum supaya tidak menyulitkan masyarakat umum dan tidak pula sehingga mengubah sesuatu hukum yang telah ditetapkan⁴.

Menyedari hal ini, pelbagai usaha telah dilakukan bagi memartabatkan institusi Mufti dan fatwa di beberapa negara ASEAN seperti Brunei, Singapura, Indonesia dan

³ Abu Ishak al-Syatibi. *al-Muwafaqat Fi Usul Al-Syari'ah*. Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1997. jil. 4, hal. 595.

⁴ Ibn Qayyim al-Jauziyyah. *I'lam al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1993. jil. 4, hal. 120.

Malaysia sendiri. Usaha-usaha seperti penyelarasan fatwa dan meluaskan skop tugas para Mufti, perlantikan Mufti Negara, penubuhan Jawatankuasa Fatwa serta penubuhan Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD) dilihat sebagai inisiatif untuk memantapkan lagi institusi fatwa, khususnya untuk memberikan imej yang baik kepada Islam sebagai agama yang dinamik, fleksibel dan *transparent* yang mampu menyelesaikan keseluruhan masalah umat Islam seiring dengan perubahan zaman⁵.

Dalam konteks Negara Brunei Darussalam, institusi fatwa dan Mufti dilihat sebagai satu perkara yang sangat penting bagi menyampaikan risalah dan dakwah Islam serta menyebarkan ilmu pengetahuan Islam kepada rakyatnya. Berdasarkan apa yang dilaksanakan oleh Kerajaan Brunei dalam usahanya untuk memartabatkan institusi fatwa dan memperluaskan peranan Mufti dalam pembangunan Islam dan rakyat Brunei, jelaslah bahawa kerajaan negara ini memberikan komitmen yang amat besar bagi mencapai hasrat murni ini. Usaha-usaha tersebut bertitik tolak dari galakan pihak pemerintah sendiri di samping komitmen yang tinggi daripada masyarakat dan semua pihak yang berkaitan.

Justeru, berdasarkan kepada fenomena ini dan konteks amalan dan usaha yang dilakukan oleh Negara Brunei Darussalam, satu kajian yang komprehensif dan sistematik wajar dilaksanakan untuk melihat dengan lebih jelas dan tepat pengurusan dan proses perjalanan fatwa yang dilaksanakan di negara ini. Kajian sebegini amat perlu bagi melihat aspek-aspek kekuatan dan kelemahan yang ada, dan cuba mencari jawapan serta mengemukakan cadangan-cadangan yang sesuai. Dengan ini Brunei mungkin boleh dijadikan sebuah negara model kepada negara-negara Islam yang lain dalam aspek pengurusan fatwa. Semoga usaha ini dapat menarik perhatian negara-

⁵ Abdul Monir Yaacob dan Wan Roslili Abd Majid, sunt. *Mufti dan Fatwa di Negara-Negara ASEAN*. Kuala Lumpur: IKIM, 1998. hal. 138-139, 148-149, 158-159.

negara Islam serantau khususnya dan seluruh negara Islam amnya bagi memperkemas dan memperkasakan institusi fatwa dan Mufti untuk kemaslahatan umat Islam sejagat.

PERMASALAHAN KAJIAN

Institusi fatwa dan Mufti merupakan antara institusi yang terpenting dalam masyarakat dan negara Islam. Ianya merupakan sumber utama rujukan dan konsultasi masyarakat setempat dalam mendapatkan penerangan berkaitan pelbagai permasalahan hukum agama dalam kehidupan harian. Oleh yang demikian, bidang ini telah menjadi fokus utama pengkajian dan penelitian oleh para ilmuan dan penyelidik sejak dari zaman dahulu lagi, dan mereka telah mencurahkan segala usaha dan tenaga dalam mengkaji dan menyelidik pelbagai aspek berkaitan fatwa dan Mufti samada dari segi teoretikal, pengeluaran (*istinbat*) hukum, mahupun pengumpulan dan kajian koleksi-koleksi fatwa tertentu.

Namun, didapati bahawa aspek pengurusan sesebuah institusi fatwa amat jarang dibincangkan walaupun ia sebenarnya merupakan antara komponen utama dalam bidang pengkajian fatwa dan mempunyai impak yang besar terhadap menilai keberkesanan, pemahaman dan penerimaan masyarakat terhadap sesuatu fatwa yang diwartakan. Oleh yang demikian, adalah menjadi tujuan penyelidikan ini untuk mengkaji aspek pengurusan fatwa seperti yang dilaksanakan oleh Jabatan Mufti, Negara Brunei Darussalam yang merupakan antara negara Islam yang mempunyai majoriti penduduk beragama Islam, sebagai pembuka tirai untuk kajian yang lebih komprehensif terhadap pengurusan institusi fatwa di negara-negara lain di masa hadapan. Isu-isu berkaitan sejarah, proses dan prosedur pengurusan fatwa sejak dari

timbulnya permasalahan sehinggalah kepada pewartaan, penguatkuasaan dan akses masyarakat terhadap fatwa yang diwartakan merupakan fokus utama penyelidikan ini. Ini bertujuan mengenalpasti peluang-peluang yang dapat dimanfaatkan oleh institusi-institusi fatwa di negara-negara Islam yang lain dalam usaha untuk memartabatkan institusi fatwa dan Mufti di dalam dunia yang serba mencabar ini.

PERSOALAN KAJIAN

Penyelidikan ini bertujuan mendapatkan jawapan terhadap beberapa persoalan penting berkaitan pengurusan fatwa dan institusi Mufti di Negara Brunei Darussalam, iaitu:

1. Bilakah institusi fatwa mula bertapak di Brunei dan siapakah yang bertanggungjawab terhadap proses pengeluaran fatwa di Brunei pada masa dulu dan kini?
2. Apakah sistem pengurusan yang digunakan dalam institusi fatwa di Brunei dan penstrukturan organisasinya?
3. Apakah proses dan prosedur dalam pengurusan dan pengeluaran fatwa sejak dari permulaan hingga pewartaannya kepada masyarakat?
4. Bagaimanakah komitmen pihak kerajaan Brunei dalam memastikan kelicinan pengurusan fatwa di Brunei menerusi aspek penguatkuasaan, pewartaan, aksesan dan sebagainya?

5. Apakah peranan penggunaan teknologi komunikasi dan maklumat dalam pengurusan fatwa di Brunei dari sudut aksesan dan interaksi antara masyarakat dan institusi fatwa terbabit?

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengenalpasti sejarah perkembangan, kedudukan dan pentadbiran hal ehwal fatwa di Negara Brunei Darussalam dan perubahan yang dialaminya sejak daripada dulu sehingga kini.
2. Mengkaji sistem pengurusan dan penstrukturan organisasi Jabatan Mufti Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.
3. Menilai proses dan prosedur dalam pengurusan dan pengeluaran fatwa di Negara Brunei Darussalam sejak dari permulaan hingga pewartaannya kepada masyarakat.
4. Mengenalpasti komitmen pihak Kerajaan dalam memastikan kelicinan pengurusan fatwa di Brunei menerusi aspek penguatkuasaan, pewartaan, aksesan dan sebagainya.
5. Menilai peranan penggunaan teknologi komunikasi dan maklumat dalam pengurusan fatwa di Brunei dari sudut aksesan dan interaksi antara masyarakat dan institusi fatwa terbabit.

METODOLOGI KAJIAN

Penyelidikan ini lebih berbentuk kepada kajian deskriptif dan analitikal terhadap institusi Mufti, proses fatwa dan pengurusannya di Negara Brunei Darussalam. Oleh itu, penekanan utama diberikan terhadap menganalisis pelbagai aspek berkaitan sejarah, organisasi, perundangan dan pengurusan fatwa serta peranan pihak yang bertanggungjawab dalam melaksanakannya di samping mengkaji pendekatan yang digunakan dalam memartabatkan institusi berkenaan. Justeru, metodologi kajian perpustakaan dan sorotan persejarahan melalui sumber-sumber penulisan, laporan, dokumen, akta, enakmen dan struktur organisasi yang berkaitan merupakan teras penyelidikan ini, di samping tinjauan lapangan di jabatan dan organisasi terbabit. Maklumat dan data yang diperolehi akan dianalisis secara objektif untuk memberikan ulasan dan pandangan menyeluruh terhadap proses dan prosedur pengurusan fatwa di Negara Brunei Darussalam.

SKOP KAJIAN

Kajian ini hanya tertumpu kepada tinjauan terhadap proses pengurusan dan penghasilan fatwa serta struktur organisasi jawatankuasa berkaitan fatwa di Negara Brunei Darussalam, khususnya di Jabatan Mufti Kerajaan. Aspek-aspek berkaitan persejarahan, prosedur dan undang-undang yang melibatkan proses pengurusan seperti pewartaan dan pengumpulan fatwa juga akan dibincangkan. Penggunaan teknologi komunikasi dan maklumat serta peranannya dalam pengurusan fatwa juga akan dibincangkan, manakala isu berkaitan penghasilan fatwa dalam tajuk tertentu dan

bersifat kontroversi tidak disentuh kerana ianya tidak berkaitan dengan aspek pengurusan fatwa yang menjadi teras penyelidikan ini.

SOROTAN LITERATUR

Pemasalahan Mufti dan fatwa bukanlah satu perkara baru di dalam kamus perundangan Islam. Pelbagai bentuk penulisan dan perbahasan tentang dua perkara penting dalam Syariah Islam ini telah muncul berabad-abad lamanya. Ini dapat diperhatikan secara jelas apabila ulama-ulama Islam terdahulu telah membahaskan pelbagai masalah dan persoalan tentang fatwa dan Mufti di dalam penulisan mereka, sama ada dari sudut kedudukannya pada kaca mata Syarak, peranannya dalam perjalanan undang-undang Islam, syarat-syarat perlantikan Mufti dan beberapa sudut lain yang berkaitan. Memandangkan isu fatwa ini berkait rapat dengan ilmu Usul Fiqh dan ia merupakan satu cabang penting di dalam perbahasan ilmu ini, tidak hairanlah jika topik mengenainya terdapat dalam hampir setiap buku yang membicarakan tentang ilmu Usul Fiqh. Penulisan-penulisan klasik seperti *al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul* oleh Imam Abu Hamid al-Ghazali⁶, *al-Muwafaqat fi Usul al-Syari'ah* oleh Imam Abu Ishak al-Syatibi⁷, dan *I'lam al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin* oleh Imam Ibn Qayyim al-Jauziyyah⁸ merupakan sebahagian daripada contoh karangan ulama silam terkenal yang banyak menyumbangkan penulisan tentang pemasalahan fatwa.

Selain daripada itu, kajian-kajian tentang fatwa dalam konteks beberapa negara di Nusantara dan ASEAN juga telah dijalankan. Sebagai contoh, Othman Ishak telah

⁶ Abu Hamid al-Ghazali. *al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1997. jil. 2, hal. 203-205.

⁷ Abu Ishak al-Syatibi. *al-Muwafaqat*. jil. 4, hal. 595.

⁸ Ibn Qayyim al-Jauziyyah. *I'lam al-Muwaqqi'in*. jil. 4, hal. 120.

menulis bukunya yang berjudul *Fatwa Dalam Perundangan Islam*⁹ yang mengutarakan sejarah perundangan Islam di negeri-negeri Melayu dalam konteks perkembangan institusi fatwa dan Mufti. Beliau telah mendatangkan contoh-contoh pelaksanaan fatwa di Tanah Melayu dan kemudiannya Malaysia serta memberikan kritikan terhadap proses pengurusan fatwa di negeri-negeri tersebut. Sebuah kajian tentang fatwa di Indonesia juga telah dilakukan oleh Mohammad Atho Mudzhar di dalam bukunya *Fatwa-fatwa Majelis Ulama Indonesia: Sebuah Studi Tentang Pemikiran Hukum Islam di Indonesia*.¹⁰

Mengenai Negara Brunei Darussalam pula, terdapat beberapa kertas kerja dan kajian yang telah dijalankan berkaitan pelbagai aspek berkaitan fatwa dan Mufti di negara tersebut¹¹. Kebanyakan daripadanya dihasilkan dalam jangka waktu yang berbeza-beza dan melambangkan perkembangan dan situasi institusi dan status pengurusan fatwa pada waktu-waktu tersebut. Pada masa yang sama juga, institusi fatwa di Negara Brunei Darussalam telah mengalami pelbagai perubahan dan proses perkembangan yang begitu pesat sekali dalam tempoh tiga dekad terakhir ini, dan berdasarkan kepada sorotan literatur yang dilakukan, tiada satupun kajian yang didapati menggabungkan pelbagai aspek perkembangan, sejarah, pengurusan dan pembangunan institusi fatwa dan Mufti di Negara Brunei Darussalam sejak daripada dahulu sehingga hari ini.

Justeru, kekosongan yang wujud dalam korpus pengetahuan bidang ini diharapkan dapat ditampung sedikit sebanyak menerusi penyelidikan ini, yang cuba

⁹ Othman Ishak. *Fatwa Dalam Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti, 1981.

¹⁰ Mohammad Atho Mudzhar. *Fatwa-Fatwa Majelis Ulama Indonesia: Sebuah Studi Tentang Pemikiran Hukum Islam di Indonesia*. Jakarta: INIS, 1993.

¹¹ Kebanyakan penulisan dan penyelidikan yang dihasilkan berkenaan fatwa dan institusi Mufti di Brunei dijadikan sumber dalam kajian ini, dan maklumat lengkap mengenainya dapat dilihat dalam senarai rujukan di akhir penyelidikan ini.

BAB 1

ISLAM DI BRUNEI: SEJARAH DAN KEDUDUKANNYA DALAM PEMBENTUKAN IDENTITI MASYARAKAT SETEMPAT

1.1. Islam di Brunei Sebelum Abad ke-20

Brunei merupakan salah sebuah negara yang telah wujud sejak sekian lamanya di Kepulauan Melayu. Lokasinya yang strategik menjadikannya tempat persinggahan para pelayar setempat dan antarabangsa yang berdagang dengan China, India dan kawasan yang berdekatan. Ia pernah dikenali dengan nama Po-li atau Po-ni (Puni) dan pernah beberapa kali menghantar utusan barang-barang persembahan hasil negeri ke China antara tahun 517 hingga tahun 699 Masehi¹.

Sebelum kedatangan Islam, agama Hindu-Buddha dan animisme memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat Brunei, sepertimana kawasan yang lain di Kepulauan Melayu pada waktu itu. Bahasa Sanskrit yang digunakan secara meluas bukan sahaja digunakan untuk gelaran pembesar-pembesar negara, bahkan untuk menamakan negara juga. Dalam hal ini, terdapat pendapat yang mengatakan bahawa perkataan Borneo itu sebenarnya berasal daripada perkataan Sanskrit “Bhurni” yang bermaksud tanah atau negeri. Perkataan Borneo itu pula dipercayai berasal daripada perkataan “Brunei”. Ini kerana, pada zaman dahulu, keseluruhan Pulau Borneo disebut dengan nama Pulau Brunei².

Menurut sumber geografi Arab pula, terdapat sebuah pulau yang dikenali dengan nama Barni atau Burnai, namun tidak dapat dipastikan jika ia bermaksud keseluruhan Borneo ataupun sebahagiannya sahaja. Besar kemungkinannya, ia hanya

¹ Awang Mohd Jamil al-Sufri. *Tarsilah Brunei: Sejarah Awal dan Perkembangan Islam*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, 2001. hal. 4, 12 passim.

² Ibid.

digunakan untuk merujuk kepada wilayah dan kerajaan Brunei sahaja. Di samping itu, perkataan Barani juga digunakan untuk Brunei. Ia digambarkan sebagai antara gugusan kepulauan yang terkenal di Asia Tenggara. Pada masa yang sama, pedagang-pedagang Arab juga turut menggelarnya sebagai Zabaj atau Ranj yang dikatakan terletak berdekatan dengan Pulau-Pulau Seribu (Filipina). Terdapat juga kemungkinan bahawa keseluruhan Borneo mungkin juga difikirkan terdiri daripada gugusan pulau yang lebih kecil. Ringkasnya, ini menunjukkan bahawa Brunei sudah dikenali oleh pelayar dan pedagang samada dari Timur mahupun Barat sejak daripada zaman dahulu lagi, dan kepentingannya dalam perdagangan maritim serantau juga terserlah menerusi penggunaan istilah Laut Barni oleh pelaut Arab terkenal Ibn Majid kepada Laut China Selatan³.

Walaupun tidak banyak yang diketahui mengenai sejarah awalnya, dipercayai bahawa agama Islam sudah bertapak di Brunei sekitar abad ke-14. Ini berdasarkan kepada laporan sejarah daripada Dinasti Ming yang menyatakan bahawa sekitar tahun 1370, penduduk Puni digambarkan sebagai masyarakat yang kuat memegang pantang larang dan adat istiadat serta tidak makan babi. Peribadi rajanya yang bernama Ma-ha-mo-sha juga dikatakan sesuai dengan Sultan Islam pertama di Brunei yang bernama Awang Alak Betatar⁴.

Menurut sumber sejarah, Awang Alak telah berkahwin dengan seorang puteri dari Johor (Singapura Tua) setelah memeluk Islam pada tahun 1368. Baginda juga telah menggunakan gelaran Sultan Muhammad Shah dan memerintah Brunei sehingga kemangkatannya pada tahun 1402. Takhta kerajaan baginda kemudiannya diwarisi

³ G.R. Tibbetts. *A Study of the Arabic Texts Containing Material on South-East Asia*. Leiden: E.J. Brill, 1979. hlm. 225, 232, 255, dan Awang Mohd Jamil al-Sufri. *Tarsilah Brunei: Sejarah Awal*. hal. 34.

⁴ Awang Mohd Jamil al-Sufri. *Tarsilah Brunei: Sejarah Awal*. hal. 19-20.

Sultan Ahmad dan seterusnya oleh menantu baginda Sultan Sharif Ali (m. 1432) yang memperkukuhkan lagi kedudukan Islam dalam kerajaan Brunei⁵.

Sharif Ali berasal daripada Taif dan dikatakan berasal daripada keturunan Rasulullah s.a.w. Beliau datang ke Brunei sekitar tahun 1375 sebagai seorang pendakwah yang gigih menyebarkan agama Islam dan banyak menabur jasa sehingga menjadi terkenal di kalangan masyarakat setempat. Perkahwinan beliau dengan anak perempuan Sultan Ahmad yang bernama Puteri Ratna Kesuma juga telah mengukuhkan lagi kedudukan beliau dan juga kegiatan penyebaran Islam di Brunei. Apabila Sultan Ahmad mangkat, baginda tidak mempunyai waris anak lelaki, dan atas permintaan orang ramai, Sharif Ali telah diangkat menjadi raja dan memakai gelaran Sultan Berkat. Anak cucu bagindalah kemudiannya yang menjadi waris pemegang takhta di Brunei dan juga Sulu⁶.

Sultan Sharif Ali dikatakan sebagai seorang yang kuat melakukan amal ibadat dan banyak mempunyai keberkatan. Baginda jugalah yang mula membangun masjid di Brunei dan menentukan arah kiblat. Antara pusaka utama yang ditinggalkan baginda dan menjadi kewajipan utama kepada sultan-sultan Brunei selepasnya ialah penekanan terhadap menguatkan syiar Islam dan menjalankan pemerintahan menurut lunas-lunas hukum Islam. Baginda jugalah yang telah bertanggungjawab memperluaskan pengaruh Islam di kalangan masyarakat Brunei dan berusaha menghakis saki-baki pengaruh Hindu dan Buddha yang masih tersisa dalam pemikiran dan amalan mereka⁷.

Selepas kemangkatan baginda, tampuk pemerintahan kerajaan Brunei diwarisi oleh putera baginda Sultan Sulaiman (m. 1485). Sepertimana juga ayahandanya,

⁵ Ibid. hal. 53-54.

⁶ Ibid. hal. 93.

⁷ Ibid. hal. 121.

baginda turut mengembangkan ajaran Islam dan mengukuhkan kedudukannya dalam pemerintahan negara. Baginda turut berjasa membina masjid untuk kegunaan rakyat serta bertanggungjawab memasyhurkan Islam ke seluruh wilayah kekuasaannya⁸.

Demikianlah seterusnya, sultan yang memerintah Brunei silih berganti tidak mengabaikan aspek agama dalam pemerintahan. Bukan itu sahaja, bahkan dedikasi mereka terhadap pengamalan dan dakwah Islam turut menjadikan Brunei sebagai salah satu pusat penting perkembangan Islam serantau. Hal ini dapat diperhatikan dengan jelas terutamanya ketika pemerintahan Sultan Abdul Kahar iaitu antara tahun 1524 sehingga 1530 di mana pengaruh Brunei merangkumi keseluruhan Borneo sehinggalah ke pulau-pulau berdekatan seperti Pulau Palawan, Sulu, Balayan, Mindoro, Bonbon, Balabak, Balambangan, Bangi, Mantanai dan Saludang (Luzon). Perkara ini turut dibuktikan berdasarkan kepada catatan Sepanyol di Filipina bertarikh 19 April 1578 yang menyatakan bahawa orang-orang Brunei bukan sahaja membaca dan meneliti al-Quran, bahkan turut mempunyai ulama yang gigih menyebarkan ajaran Islam⁹.

Hubungan keluarga antara Sultan Brunei dengan Sultan-Sultan Sulu, Magindanao, Saludang dan lain-lain bukan sahaja berdasarkan kepada pertalian persaudaraan sahaja, bahkan turut dikukuhkan dengan ikatan Islam. Sebagai pusat Islam serantau, Brunei telah menghantar sejumlah pendakwah yang aktif mengajar dan mengembangkan agama Islam ke kawasan sekitar. Kegiatan ini telah menimbulkan kerunsingan kepada pihak Sepanyol di Filipina yang menganggap Islam sebagai musuhnya dan saingan kepada penyebaran agama Kristian kepada masyarakat tempatan. Justeru, mereka pernah menghantar satu surat rasmi sewaktu pemerintahan

⁸ Awang Mohd Jamil al-Sufri. *Tarsilah Brunei: Zaman Kegemilangan dan Kemasyhuran*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, 1997. hal. 2.

⁹ Ibid. hal. 37-38.

anakanda Sultan Abdul Kahar iaitu Sultan Saiful Rijal (m. 1581) meminta supaya Brunei menghentikan segala kegiatan penyebaran Islam di kepulauan Filipina¹⁰.

Pertentangan antara pendakwah Islam dari Brunei dan mubaligh Kristian di Filipina kemudiannya bertukar menjadi konflik apabila pihak Brunei menyerang kubu Sepanyol di Manila pada tahun 1574 dan menghasut penduduk setempat untuk bangkit menentang Manila. Pihak Sepanyol pula bertindak balas dengan berlabuh di Muara, Brunei pada tahun 1578. Perang ini kemudiannya berlanjutan selama dua tahun sehingga Brunei akhirnya bebas dari penjajahan Sepanyol¹¹.

Menjelang akhir abad ke enam belas, Islam telah bertapak kukuh di Brunei dan di kawasan sekitarnya di mana terdapat bekalan tenaga dan pendakwah yang berterusan daripada Brunei yang mengajarkan al-Quran dan agama Islam kepada masyarakat setempat. Kitab-kitab agama yang mereka gunakan kebanyakannya ditulis dalam bahasa Melayu dan Arab. Dipercayai bahawa kitab berbahasa Melayu berasal daripada Brunei dan mereka yang hendak membacanya perlulah mempelajari bahasa Melayu atau Bahasa Arab untuk memahami kandungannya¹².

Di samping Filipina dan Kalimantan, para pendakwah dari Brunei turut melawat Sulawesi, Tidore, Ternate dan sejumlah gugusan kepulauan Indonesia. Walaubagaimanapun, mulai abad ke-17 dan 18, pengaruh dan kekuasaan Brunei mulai merosot. Kegemilangan Brunei pada masa yang lalu di mana wilayahnya mencecah keluasan 65 ribu batu persegi akhirnya berkurangan sedikit demi sedikit kepada Inggeris melalui perjanjian konsesi perniagaan. Brunei kehilangan Sarawak pada 24 September 1841 kepada keluarga Brooke yang menjadi "wakil Sultan Brunei" untuk

¹⁰ Ibid. hal. 35-40.

¹¹ Zaini Ahmad. *Pertumbuhan Nasionalisme di Brunei 1939-1962*. Kuala Lumpur: ZR Publications, 1983. hal. 2-3.

¹² Awang Mohd Jamil al-Sufri. *Tarsilah Brunei: Zaman Kegemilangan*. hal. 38-40.

mentadbir negeri itu, manakala Sabah dan Labuan juga terpecah daripada wilayahnya menjelang akhir abad ke-19¹³.

Dari aspek pemerintahan pula, Brunei hanya mampu kekal sebagai negara merdeka dan berdaulat sehingga pada tahun 1888 sahaja. Ini kerana, sebuah perjanjian persahabatan antara Inggeris dan Sultan Brunei yang ditandatangani pada tahun tersebut telah meletakkan Brunei secara langsung di bawah perlindungan Her Majesty the Queen of Britain. Perjanjian susulan pada tahun 1906 pula meletakkan Brunei di bawah penjajahan Inggeris sepenuhnya di mana seorang Residen atau penasihat diperuntukkan sebagai pentadbir urusan negara, manakala Sultan hanya berkuasa dalam menentukan hal-ehwal adat dan urusan berkaitan agama Islam sahaja¹⁴.

1.2. Ulama di Brunei: Peranan dan Sumbangan

Seperti yang dibincangkan di atas, Brunei merupakan salah sebuah pusat perkembangan Islam yang penting di Alam Melayu setanding dengan Melaka, Pasai, Aceh dan sebagainya. Kegemilangan dan kepesatan perkembangan dakwah Islamiah di Brunei secara amnya bertitik-tolak kepada faktor dokongan Sultan yang taat menjunjung tinggi kebesaran agama ini dan memasyhurnya sebagai agama rasmi kerajaan. Pada masa yang sama, tidak dapat dinafikan juga peranan dan jasa yang dicurahkan oleh para ulama yang gigih menyebarkan agama dan mengajarkannya kepada masyarakat tanpa lelah dan jemu.

Walaupun sukar untuk mendapatkan maklumat lengkap berkisar ulama di Brunei terutamanya sebelum abad ke-19 disebabkan kurangnya sumber dokumentasi mengenainya, namun berdasarkan catatan yang ada, dapat disimpulkan bahawa di peringkat awal pengislaman Brunei para ulama asing yang memainkan peranan

¹³ Zaini Ahmad. *Pertumbuhan Nasionalisme*. hal. 2-5.

¹⁴ Ibid. hal. 5-6.

penting dalam gerakan dakwah. Golongan Sharif, Shaykh dan Sayyid yang berasal daripada keturunan daripada Rasulullah s.a.w. merupakan antara pelopor yang membawa cahaya Islam ke bumi Brunei dan sekitarnya.

Selain Sharif Ali yang dilantik menjadi Sultan, terdapat juga sejumlah ulama lain yang aktif seperti Shaykh Adam, Sharif Hud dan sebagainya. Peranan ulama dan jasa mereka terhadap kerajaan Brunei pada masa itu amatlah besar sekali sehinggakan ramai di antara mereka yang diamanahkan oleh Sultan sebagai wakil untuk mentadbir jajahan Kesultanan Brunei seperti Sharif Jaafar di Lingga, Sharif Sabudin dan Sharif Sahib di Sadong, serta Sharif Mollana di Kelaka¹⁵. Di samping itu, terdapat lagi sejumlah ulama yang giat berdakwah namun tidak dapat dipastikan identiti dan aktiviti mereka melainkan menerusi bukti yang masih wujud dalam bentuk batu-batu nisan di kuburan di sekitar Brunei.

Walaupun bagaimanapun, keadaan ini berubah menjelang akhir abad ke-19 di mana lebih banyak maklumat mengenai ulama yang lahir pada pertengahan kedua abad ke-19 dan hidup sekitar pertengahan pertama abad ke-20 dapat didokumentasikan daripada sumber-sumber lisan, penulisan dan saksi yang masih hidup pada zaman berkenaan. Di antara ulama yang memainkan peranan yang penting dalam segenap aspek hal ehwal agama masyarakat Brunei termasuk fatwa¹⁶ dan nasihat keagamaan adalah seperti berikut:

¹⁵ Simat Angas, Suhaili Hassan & Ismail Ibrahim, sunt. *Tokoh-tokoh Agama di Brunei Darussalam: Pengenal Ringkas*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Muzium Brunei, 1992. hal. 1-7.

¹⁶ Fatwa di sini bermaksud khidmat nasihat dan penjelasan dalam isu tertentu dalam agama yang diberikan oleh seseorang ulama yang mahir dalam ilmu agama terutamanya dalam era di mana jawatan Mufti yang rasmi belum lagi wujud dalam struktur pentadbiran kerajaan. Justeru, menerusi tafsiran ini, konsep fatwa tidak hanya terhad kepada pandangan yang dikeluarkan oleh Mufti khas yang dilantik oleh kerajaan sahaja, bahkan merangkumi segenap ulama yang mampu melakukan ijtihad dan pemilihan pandangan (*tarjih*).

Dato Haji Ahmad bin Haji Abdul Latif¹⁷

Beliau merupakan salah seorang pendakwah Islam yang masyhur abad ke-19. Dilahirkan di Banjarmasin Kalimantan Selatan, beliau kemudiannya telah berhijrah ke Brunei pada zaman pemerintahan Sultan Abdul Momin; iaitu Sultan Brunei yang ke-24 yang memerintah pada tahun 1852-1885 dan menetap di Kampung Burong Pingai Ayer. Beliau juga dikenali sebagai Haji Ahmad Banjar sempena tempat kelahirannya.

Di Brunei, beliau giat mengajar ilmu-ilmu agama kepada penduduk setempat seperti sembahyang, bacaan al-Quran, hukum-hakam agama, pelajaran tauhid dan sebagainya. Di samping itu, beliau turut dilantik menjadi Pengawas Perkembangan Agama Islam di Brunei Darussalam atas perkenan Sultan. Beliau juga pernah ditawarkan gelaran Datu Seri Maharaja oleh Sultan Brunei namun beliau menolaknya.

Kemudiannya, beliau dilantik menjadi Kadi. Sepanjang tempoh ini, rumah beliau telah menjadi pusat setempat yang penting bagi masyarakat untuk mempelajari dan bermuzakarah dalam pelbagai isu agama. Populariti beliau sebagai seorang tokoh agama sememangnya tidak dapat diragukan lagi dan beliau meninggalkan ramai murid yang terlatih atas asuhannya. Tidak diketahui dengan jelas bilakah beliau meninggal dunia, namun kuburnya di Jalan Residency masih terpelihara dengan baik dan dikenali sebagai “Makam Maulana” di kalangan penduduk sekitar.

Pehin SiRaja Khatib Abdul Razak bin Hasanudin¹⁸

Beliau dilahirkan pada tahun 1879 di Kampung Burong Pingai Ayer. Sejak kecilnya, beliau sudah mempelajari ilmu-ilmu agama daripada guru-guru di kampungnya dan kawasan di sekitar Brunei. Beliau juga telah merantau ke negeri-negeri jiran seperti Sarawak dan Sabah untuk berdakwah dan mempelajari agama. Sewaktu di Miri,

¹⁷ Ibid. hal. 15-16.

¹⁸ Ibid. hal. 17-20.

beliau pernah menjadi imam di Masjid Kampung Sibuti dan demikian juga ketika beliau berada di Kelias dan Papar (Sabah).

Kredibiliti beliau dalam bidang agama terserlah menerusi ramainya bilangan penuntut yang datang berguru kepadanya. Mereka bukan sahaja datang dari sekitar Brunei bahkan ada yang datang dari Sabah juga. Justeru, beliau telah mengkhususkan sebuah balai khas untuk pengajaran, dan sebuah lagi untuk menjalankan tugas hariannya sebagai Kadi. Selain bidang agama, beliau juga amat menyukai syair dan telah mengarang sejumlah syair berlatarbelakangkan peristiwa sejarah seperti Syair Yang Di-Pertuan Melawat ke Labuan, Syair Awang Alak, Syair Ahmad Tajuddin, dan sebagainya.

Berdasarkan ketokohan dan ketinggian ilmu yang dimilikinya, beliau telah diberi kepercayaan oleh Sultan untuk menjawat beberapa jawatan penting dalam hal ehwal pentadbiran agama. Pada tahun 1913, beliau dilantik sebagai Kadi. Kemudian, pada 10 Oktober 1918, beliau dilantik pula sebagai Pehin Khatib. Setahun kemudian, beliau dilantik menjadi Menteri Agama dan dikurniakan gelaran Pehin SiRaja Khatib Al-Kadi Brunei. Pada tahun 1939, beliau meninggal dunia ketika berusia 60 tahun.

Pehin Khatib Muhammad bin Hassan¹⁹

Beliau merupakan seorang ulama yang dilahirkan di Kampung Lurong Sikuna, Brunei sekitar tahun 1860-an. Sejak kecil lagi, beliau dibawa bapanya merantau ke Sabah dan Sarawak untuk mencari pekerjaan. Pada masa yang sama, beliau telah mengambil kesempatan ini untuk berguru dengan para ilmuwan dalam bidang agama. Kegiatan dakwah beliau dilaksanakan menerusi pengajaran ilmu agama secara sukarela di

¹⁹ Ibid. hal. 21-23.

rumahnya sendiri. Antara subjek yang diajarnya termasuklah Hukum Fara'id, Hukum Nikah Kahwin, dan mengaji al-Quran.

Sambutan yang diberikan oleh masyarakat terhadap kelas pengajarannya amatlah menggalakkan sehinggakan beliau terpaksa membina sebuah balai khas untuk tujuan tersebut. Di samping itu, balai tersebut menjadi pusat setempat untuk bermuzakarah dalam bidang agama serta perbincangan mengenai hal ehwal masyarakat setempat. Beliau meninggal dunia pada tahun 1941 ketika berusia 80 tahun.

Pehin Khatib Abdul Razak bin Abdul Rahman Sambas²⁰

Walaupun dilahirkan di Kampung Limbongan, Bandar Seri Begawan pada tahun 1875, keturunan sebelah bapa beliau berasal dari Sambas, Kalimantan Barat. Sejak kecil lagi, beliau telah menunjukkan minat dan ketekunan yang mendalam untuk mempelajari ilmu agama. Di samping itu, beliau turut cenderung untuk menguasai bahasa asing seperti bahasa Inggeris, Cina dan Tamil. Sikap ingin tahu beliau yang tinggi telah membolehkannya menguasai ilmu agama dengan lebih mendalam. Justeru, beliau telah mengembara ke beberapa negeri di luar Brunei seperti Miri (Sarawak) dan Brunei.

Beliau turut menghasilkan sejumlah penulisan. Namun sayangnya, hasil karya beliau tidak dapat dikesan kewujudannya lagi kini. Beliau turut mempunyai sebuah balai khas untuk mengajar agama dan antara muridnya dalam pengajian al-Quran termasuklah Sultan Omar Ali Saifuddin. Dari aspek pentadbiran negara, beliau pernah berkhidmat dengan Kerajaan dan memegang beberapa jawatan termasuklah sebagai Juru-Nikah dan Mudim. Beliau juga dianugerahkan gelaran Pehin Khatib

²⁰ Ibid. hal. 27-30.

sebagai mengenang sumbangan beliau yang besar dalam bidang agama. Beliau meninggal dunia pada tahun 1943.

Pehin Datu Imam Haji Mokti bin Haji Nasar²¹

Beliau dilahirkan pada tahun 1864 di Kampung Burong Pingai Ayer yang merupakan salah satu tempat yang terdapat ramai ilmuan dan ulama di Brunei. Di samping mengambil kesempatan untuk menuntut ilmu daripada ulama setempat, beliau turut berpeluang mempelajari ilmu agama daripada ulama terkemuka di luar Brunei seperti Dato Ahmad bin Abdul Latif dari Banjar, Shaykh Ahmad Khatib Sambas dan sebagainya.

Selain mempelajari kitab-kitab tersohor karya ulama Nusantara silam seperti *al-Sirat al-Mustaqim* karangan Nuruddin al-Raniri dan seumpamanya, beliau turut mengambil Tariqat Qadariyyah daripada gurunya. Aktiviti dakwah beliau bukan sahaja terbatas di Brunei, bahkan menjangkau kawasan di negara jiran seperti Marudi dan Baram di Sarawak, serta Sambas di Kalimantan Barat. Beliau turut berkesempatan dan menetap di Mekah selama empat tahun. Di samping menunaikan ibadat haji, beliau juga mengambil peluang untuk mempelajari bahasa Arab dan mendalami ilmu agama.

Sepulangnya di Brunei, beliau giat menjalankan pengajaran ilmu-ilmu agama berdasarkan kitab-kitab yang ditulis dalam bahasa Arab. Beliau juga telah menghasilkan beberapa penulisan seperti koleksi doa, fatwa-fatwa amalan, riwayat dan nasihat keagamaan. Beliau meninggal dunia pada 20 April 1946.

²¹ Ibid. hal. 38-42.

Haji Muhammad Suhaili Haji Yaakub²²

Walaupun beliau tergolong sebagai salah seorang ulama terkemuka Sabah, namun sumbangan dan baktinya dalam bidang agama menjangkau sempadan Negeri Di Bawah Bayu sehingga ke Brunei di mana beliau dikenali sebagai Kadi Suhaili. Menariknya, beliau sebenarnya dilahirkan di Kampung Sungai Biawak, Muara, Brunei pada tahun 1918. Bapa beliau merupakan seorang ulama terkemuka berasal dari Kelantan yang berhijrah ke pelbagai negeri untuk berdakwah termasuk Brunei dan Sabah.

Pada tahun 1923, beliau telah berpindah mengikuti bapanya ke Sabah dan memulakan pengajiannya dalam bidang agama. Ketika berusia 16 tahun, beliau telah dilantik menjadi Imam daerah Putatan Sabah. Sumbangannya turut diperlukan di Brunei apabila beliau diundang oleh Sultan Omar Ali Saifuddien untuk berkhidmat di Bahagian Hal Ehwal Islam, Brunei sebagai Naib Kadi di daerah Belait. Pada tahun 1951, beliau meletakkan jawatan dan kembali ke Sabah.

Usaha dakwah beliau di Sabah terbantu apabila pihak Inggeris mengusirnya ke Belait dengan alasan beliau rakyat Brunei. Para muridnya di Brunei menghargai kepulangannya ini dan beliau meneruskan usaha dakwahnya kepada masyarakat sekitar sehingga kematiannya di Kuala Belait pada 5 Februari 1985. Beliau juga telah menerbitkan dua karya iaitu *Risalah Tauhid* dan *Risalah al-Salah* (sembahyang). Di samping itu juga, beliau turut menyusun risalah ringkas mengandungi 160 petikan pelbagai permasalahan agama untuk rujukan pembaca dan mereka yang memerlukannya. Kebanyakan isu yang dikumpulkannya berbentuk fatwa samada dalam mazhab mahupun daripada ulama yang muktabar yang dipetik daripada kitab-

²² Ismail Mat, sunt. *Ulama Silam dalam Kenangan*. Bangi: Penerbit UKM, 1992. hal. 159-178.

kitab fiqh muktabar dan majalah-majalah agama keluaran Jabatan Agama Islam.

Antara contoh permasalahan ini adalah seperti berikut:

- i. Tidak jatuh talak bagi seorang yang melafazkan talak pada isterinya dengan tidak didengari oleh isterinya.
- ii. Mati disebabkan pembunuhan, perompakan dan sebagainya wajib disembahyangkan dan dimandikan.
- iii. Sah mengeluarkan fitrah kepada seorang yang bukan amal; dan sebagainya.

BAB 2

PERKEMBANGAN FATWA DAN INSTITUSI FATWA DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

2.1. Kedudukan Islam dalam Pentadbiran Kesultanan Brunei Tradisional

Agama Islam merupakan asas dan sebahagian daripada ideologi Brunei sejak daripada dahulu lagi. Sistem pentadbiran Kesultanan Brunei Darussalam tradisional (sebelum abad ke-20) adalah diterajui oleh Sultan sebagai ketua negara yang mempunyai kuasa mutlak. Pada masa yang sama, Baginda turut disokong oleh sejumlah pembesar negara (wazir) dan menteri (manteri) yang bertanggungjawab menjalankan dan memastikan kelicinan jentera pentadbiran. Secara amnya, terdapat lima jenis menteri yang diberi kuasa berdasarkan bidang tugas masing-masing dan ini termasuklah jawatan seorang Menteri Agama (Manteri Ugama) yang mengendalikan urusan hal ehwal agama Islam di Brunei dan menasihati Sultan kepada pelbagai masalah dan hukum-hukum Islam¹. Secara amnya, struktur pentadbiran agama terdiri daripada jawatan-jawatan berikut:

- Pehin Datu Seri Maharaja sebagai Ketua Manteri Ugama;
- Empat orang Imam yang bergelar:
 - i. Pehin SiRaja Khatib (Seri Raja Khatib)
 - ii. Pehin Datu Imam
 - iii. Pehin Tuan Imam
 - iv. Pehin Udana Khatib; dan

¹ Sabihah Osman, Muhamad Hadi Abdullah dan Sabullah Hakip. *Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: DBP, 1995. hal. 32; dan Awang Abdul Aziz Awang Juned. *Islam di Brunei*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah, 1992. hal. LI.

- Beberapa orang Khatib dan Mudim².

Bidang tugas dan peranan setiap jawatan pula adalah seperti berikut:

- Pehin Datu Seri Maharaja: Berperanan sebagai pengawas hal ehwal agama Islam, hukum Islam, serta memegang jawatan sebagai Hakim Besar hal ehwal Syarak.
- Imam (Pehin SiRaja Khatib): Berperanan sebagai Hakim hal ehwal Syarak, imam masjid dan membaca Khutbah Hari Raya apabila dihadiri oleh Sultan.
- Imam (Pehin Datu Imam): Berperanan sebagai Imam Besar dan pengatur hal ehwal agama.
- Imam (Pehin Tuan Imam): Juga berperanan sebagai Imam Besar dan pengawas hal ehwal masjid.
- Imam (Pehin Udana Khatib): Berperanan sebagai imam masjid, membaca khutbah Hari Raya apabila dihadiri oleh Sultan, serta menjadi ketua khatib-khatib.
- Khatib-Khatib: Berperanan membaca khutbah pada setiap hari Jumaat serta menjalankan tugas sebagai imam masjid sembahyang fardu secara bergilir-gilir³.

Menarik diperhatikan bahawa pentadbiran agama di Brunei diterajui oleh golongan rakyat biasa dan bukannya daripada golongan raja atau bangsawan. Ini dapat difahami daripada gelaran “Pehin” itu sendiri yang dikurniakan kepada rakyat biasa

² Mohamad Yusof Abdul Rahim. “Adat Istiadat Brunei”, dalam *Intisari Kebudayaan Brunei*. Bandar Seri Begawan: DBP Brunei, 1988. hal. 26.

³ Pg. Mohammad Pg. Abd Rahman. *Islam di Brunei: Kemasukan dan Perkembangannya (Abad 13-17 Masehi)*. Tesis M.A. Fakulti Pengajian Islam UKM, 1985. hal. 266-267.

RUJUKAN

- Abdul Monir Yaacob dan Wan Roslili Abd Majid, sunt. *Mufti dan Fatwa di Negara-Negara ASEAN*. Kuala Lumpur: IKIM, 1998.
- Abd. Samat Musa et. al., sunt. *Prinsip dan Pengurusan Fatwa di Negara-Negara ASEAN*. Nilai: INFAD, 2006.
- Awang Abdul Aziz Awang Juned. *Islam di Brunei*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah, 1992.
- Awang Mohd Jamil al-Sufri. *Liku-Liku Perjuangan Pencapaian Kemerdekaan Negara Brunei Darussalam*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Pusat Sejarah, 1992.
- _____. *Tarsilah Brunei: Sejarah Awal dan Perkembangan Islam*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, 2001.
- _____. *Tarsilah Brunei: Zaman Kegemilangan dan Kemasyhuran*. Bandar Seri Begawan: Pusat Sejarah Brunei, 1997.
- Fatwa Management System. "World Fatwa Management and Research Institute". <http://infad.usim.edu.my/modules.php?op=modload&name=News&file=article&sid=10989>; dan <http://infad.usim.edu.my/modules.php?op=modload&name=News&file=article&sid=10987> (diakses: 12 Jun 2009).
- al-Ghazali, Abu Hamid. *al-Mustasfa min 'Ilm al-Usul*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 1997.
- Ismail Mat, sunt. *Ulama Silam dalam Kenangan*. Bangi: Penerbit UKM, 1992.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. "Apa itu fatwa?". <http://ii.islam.gov.my/e-fatwa/e-fatwa.asp> (diakses: 28 Januari 2004).
- al-Jauziyyah, Ibn Qayyim. *I'lam al-Muwaqqi'in 'an Rabb al-'Alamin*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1993.
- Laws of Brunei. *The Constitution of Brunei Darussalam*. Revised edition, 1984.
- Menteri Agama Negara MABIMS. *Prosedur Fatwa dan Garis Panduan Berijtihad Negara MABIMS*. Putrajaya: JAKIM, 2006.
- Mohamad Yusof Abdul Rahim. "Adat Istiadat Brunei", dalam *Intisari Kebudayaan Brunei*. Bandar Seri Begawan: DBP Brunei, 1988. hal. 16-43.
- Mohammad Atho Mudzhar. *Fatwa-Fatwa Majelis Ulama Indonesia: Sebuah Studi Tentang Pemikiran Hukum Islam di Indonesia*. Jakarta: INIS, 1993.

- Othman Ishak. *Fatwa Dalam Perundangan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbitan Fajar Bakti, 1981.
- Pg. Mohammad Pg. Abd Rahman. *Islam di Brunei: Kemasukan dan Perkembangannya (Abad 13-17 Masehi)*. Tesis M.A. Fakulti Pengajian Islam UKM, 1985.
- Rasinah Ahim. *Penerapan Pemikiran dan Fatwa Aliran Ahl al-Sunnah wa al-Jama'ah Pehin Datu Seri Maharaja Dato Seri Utama Dr. Awang Haji Ismail Bin Omar Abdul Aziz di Brunei Darussalam*. Tesis Sarjana. Bangi: Fakulti Pengajian Islam UKM, 2001.
- Rosle Jumat. "Peranan dan Pengalaman Jabatan Mufti Kerajaan di dalam Penyebaran Dakwah Islam di Negara Brunei Darussalam", dalam *Prosiding Seminar Serantau Pemikiran Da'wah: Peranan dan Pengalaman*. Universiti Brunei Darussalam, 19-20 September 2006. hal. 217-238.
- Sabihah Osman, Muhamad Hadi Abdullah dan Sabullah Hakip. *Sejarah Brunei Menjelang Kemerdekaan*. Kuala Lumpur: DBP, 1995.
- Sano, Qoutoub Moustapha. *Mu'jam Mustalahat Usul al-Fiqh*. Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir, 2000.
- Simat Angas, Suhaili Hassan & Ismail Ibrahim, sunt. *Tokoh-tokoh Agama di Brunei Darussalam: Pengenalan Ringkas*. Bandar Seri Begawan: Jabatan Muzium Brunei, 1992.
- al-Syatibi, Abu Ishak. *al-Muwafaqat Fi Usul Al-Syari'ah*. Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1997.
- The Government of Brunei Darussalam. "Jabatan Mufti Kerajaan Negara Brunei Darussalam". <http://www.brunet.bn/gov/mufti/index.htm> (diakses: 4 Jun 2009).
- The Government of Brunei Darussalam. "Kod Perkhidmatan Jabatan Mufti Kerajaan". <http://www.brunet.bn/gov/mufti/pengenalan/Khidmat.htm> (diakses: 12 Jun 2009).
- The Government of Brunei Darussalam. "Majlis Ugama Islam". <http://www.muib.gov.bn/> (diakses: 3 Jun 2009).
- Tibbetts, G.R. *A Study of the Arabic Texts Containing Material on South-East Asia*. Leiden: E.J. Brill, 1979.
- Zaini Ahmad. *Pertumbuhan Nasionalisme di Brunei 1939-1962*. Kuala Lumpur: ZR Publications, 1983.